

11 OCT 2003

Mahathir-Israel

ISRAEL MAHU AS MULAKAN PERANG BARU DI ASIA BARAT

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Israel sedang mendesak Amerika Syarikat untuk memulakan perang baru di Asia Barat dengan tindakannya menyerang Syria, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Israel sememangnya mendesak Amerika menyerang Syria, tetapi Amerika nampaknya enggan. Jadi, dalam usaha memaksa Amerika, Israel akan menyerang Syria," katanya semasa diminta mengulas serangan Israel ke atas Syria baru-baru ini.

"Apabila ia berlaku, Amerika akan terpaksa menyokong Israel disebabkan kepentingan politik dalaman kerana undi Yahudi yang menjadi faktor penting dalam pemilihan presiden," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dan meninjau makmal mega Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) pertama Malaysia, InventQjaya Sdn Bhd (IQJ), di Cyberjaya dekat sini hari ini.

Ahad lepas, Israel melancarkan serangan udara mengejut kononnya ke atas sebuah pusat latihan pejuang Palestin di Syria.

Presiden George W. Bush mempertahankan tindakan Israel itu sebagai hak negara itu untuk mempertahankan diri.

Ditanya sama ada serangan Israel itu perlu dibincangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Dr Mahathir berkata: "Kita boleh membawanya ke peringkat PBB tetapi persoalannya apa yang boleh PBB buat."

Mengenai pendirian Pegerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) terhadap situasi itu, beliau berkata NAM sentiasa mengutuk perkara seperti itu tetapi tidak dapat berbuat lebih daripada itu.

"Jadi, saya boleh berkata, saya kutuk, saya kutuk, saya kutuk, saya kutuk dan sekadar itu sahajalah," katanya. Malaysia adalah pengerusi pertubuhan 117 anggota itu.

Ditanya apa lagi yang boleh dilakukan selain kutukan, beliau berkata daripada sekadar mengutuk, "Kita boleh berperang. Tetapi kita tidak berkemampuan untuk berperang. Itulah masalahnya apabila kita membiarkan diri kita lemah, orang membuli kita."

Dr Mahathir yang ditanya sama ada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 akan mengeluarkan resolusi khusus mengenai Syria, beliau berkata: "Kita tengoklah nanti."

Sidang Kemuncak OIC bermula hari ini dengan mesyuarat pegawai kanan bagi menyediakan agenda Mesyuarat Menteri pada Isnin dan Selasa manakala mesyuarat ketua-ketua negara dan kerajaan akan berlangsung Khamis dan Jumaat.

Tentang isu yang akan dibincangkan pada persidangan itu, Dr Mahathir berkata ia akan berkisar tentang situasi semasa dunia Islam dan umatnya.

Ditanya tentang mesej yang ingin disampaikan oleh OIC kepada Presiden Rusia Vladimir Putin yang dijemput sebagai tetamu khas persidangan itu, Dr Mahathir berkata: "Dia akan mendengar pandangan yang dibangkitkan dan saya tidak tahu apa yang (negara anggota) akan bangkitkan. Kita menjemput beliau kerana mahu beliau tahu tentang Islam dan umatnya."

Putin, semasa melawat Malaysia, Ogos lepas, meminta agar Rusia dibenarkan menganggotai OIC kerana ia mempunyai jumlah penduduk Islam yang agak besar.

Selain Putin, Presiden Filipina Gloria Arroyo akan turut hadir sebagai tetamu khas.

Pada perkembangan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu membentuk sebuah suruhanjaya atau jawatankuasa yang dianggotai pakar bagi mengkaji kerosakan di Selat Johor akibat daripada kerja penambakan oleh Singapura.

Singapura telah menjalankan kerja penambakan membabitkan kawasan laut seluas 5,215 hektar dan projek itu dijadualkan siap pada 2010.

Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut (ITLOS) di Hamburg dalam keputusannya Rabu lepas, mengarah kedua-dua negara bekerjasama membentuk sebuah sekumpulan pemantau bebas bagi mengkaji kesan penambakan tersebut.

Dr Mahathir juga ditanya tentang masa depan hubungan dua hala Malaysia dan Australia ekoran kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard bahawa beliau tidak mahu "menimbulkan rasa hormat" terhadap kritikan oleh Dr Mahathir kerana (Dr Mahathir) akan bersara 31 Okt ini.

Dr Mahathir berkata: "Saya serahkan kepada pengganti saya."

-- BERNAMA

HS SM AZZ MOZ